



UM GEGAR STADIUM HOKI!!!



UM GARANG DI GELANGGANG CATUR

EMAS-TAEKWANDO
PERAK-LOMPAT JAUH & LOMPAT KIJANG

FATHIN LAKAR KEJUTAN

UiTM MENDAHULUI PINGAT
ACARA MEMANAH

UPM GAH DOMINASI OLAHRAGA

SUNWAY LEBIH MENYERLAH

KERJASAMA



Sukan Institusi Pengajian Tinggi



@sukanipt2014

<http://sukipt.com.my>



FITRI SHAARI PENYELAMAT UM!

Wartawan : Megat Mohd Rafiezi Megat Mohd Rodzi
Foto : Adam Ghazali

Pemain hoki kebangsaan, Mohd Fitri Shaari menjadi penyelamat bagi pasukan Universiti Malaysia(UM) pada aksi akhir hoki lelaki Sukan Institusi Pengajian Tinggi(SUKIPT) dalam menentang Politeknik Johor di Stadium Hoki Kuala Lumpur.

Mohd Fitri Shaari telah menjaringkan gol kemenangan pada minit ke-7 seterusnya melayakkan UM menambah bilangan pingat emas.

Universiti Putra Malaysia(UPM) telah membenam Universiti Teknologi Malaysia(UTM) dengan jaringan 3-0 apabila Siti Noor Amarina Ruhani membuka tirai jaringan seawal minit ke-4 sebelum Noor Hasliza Md Ali menambah dua lagi jaringan, masing-masing pada minit ke-17 dan ke-19.

Skuad tuan rumah SUKIPT 2014, Universiti Teknologi MARA(UTM) sekadar berpuas hati memperolehi pingat gangsa bagi kedua-dua kategori. Pasukan hoki lelaki UiTM mengalahkan Universiti Sultan Zainal Abidin(UniZA) dengan jaringan 2-0 manakala pasukan hoki wanita UiTM pula telah menewaskan Universiti Pendidikan Sultan Idris(UPSI), juga dengan jaringan 2-0.



Pasukan hoki wanita Universiti Putra Malaysia(UPM)

PENYELARAS

Zaidi bin Shariff

EDITOR

Nor Azlina binti Mohd Zubaidi
Suraya binti Ismail@Shaari

GRAFIK

Faizal bin Ayob
Shahirah Hafifah binti Sangaji
Lily Haryanti binti Az Muzni

JURUFOTO

Meor Sharifuddin bin Meor Shukri
Khairulnizam bin Md Hairuddin
Enamul Shah bin Abdul Halim
Yusri bin Md Yusof
Mohd. Fauzan bin Md. Sardi
Noor Kasmara bin Mohd Sokarnor
Mohamad Amirul bin Mohd Adnan (UiTM)
Pelajar Kolej Komuniti Paya Besar
Pelajar Kolej Komuniti Jasir



UNIVERSITI MALAYA GARANG DI GELANGGANG CATUR

Wartawan : Nur Atiqqa Natasha Zoo & Fatim Ainur Ramlee
Foto : Vinod Vairam & Hafiz Kassim

Acara catur diakhiri dengan kemenangan bergaya daripada Universiti Malaysia(UM) dengan menyapu bersih kesemua pingat emas yang dipertaruhkan pada SUKIPT kali ini.

Bagi kategori individu lelaki, Muhd Syazwan Zulkifli muncul sebagai pemenang pingat emas, menewaskan Ahmad Fadzil Nayan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia(UIAM). Manakala Muhd Nabil Azman dari Kolej Multimedia Kuala Lumpur(KMKL) hanya sekadar memperolehi pingat gangsa.

Alia Anin Azwa berjaya merangkul pingat emas bagi kategori individu wanita dengan menumpaskan pesaingnya iaitu Ong Choon Yong dari Universiti Sains Malaysia(USM). Pingat gangsa pula dimenangi oleh Ruby Kwan Tsze Yeung dari Universiti Pendidikan Sultan Idris(UPSI).



Dari kiri : Muhd Syazwan Zulkifli(UM), Alia Anin Azwa(UM)

Manakala bagi kategori berpasukan lelaki, Universiti Malaysia(UM) sekali lagi muncul sebagai juara dengan menumpaskan pasukan dari Sunway Universiti yang menduduki tempat kedua manakala tempat ketiga adalah dari Universiti Teknologi Petronas.

Kemenangan UM diteruskan lagi bagi kategori berpasukan wanita yang turut menyumbang pingat emas dengan mengalahkan Universiti Putra Malaysia(UPM) manakala pingat gangsa dimenangi oleh Universiti Sains Malaysia(USM).

"Kami telah menjangkakan kemenangan ini dan kami rasa bersyukur kerana berjaya merangkul pingat emas bagi semua kategori yang dipertandingkan," ujar Alia Anin Azwa, selaku ketua pasukan wanita catur UM.

Penyampaian pingat telah disempurnakan oleh Pengerusi Catur SUKIPT 2014, Encik Wan Muhammad Afifi bin Wan Abdullah.



Juara catur pasukan lelaki dari Universiti Malaysia(UM)



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA MENDAHULUI PINGAT ACARA MEMANAH

Wartawan : Farishah Hanem, Wan Nor'Ain & Ainie Hananie Taufik
Foto : Amirul Azman

Kejohanan Memanah SUKIPT 2014 yang telah diadakan di Stadium Universiti Teknologi MARA(UiTM) menyaksikan UiTM memenangi lima pingat emas daripada lapan acara yang dipertandingkan pada 6-8 Februari 2014.

Atlet daripada UiTM, Ahmad Aliff Fadhulullah Alwi memenangi pingat emas manakala pingat perak dimenangi oleh Kurniadi Muhtar bagi kategori *compound* lelaki individu olimpik. Kekecewaan Kurniadi Muhtar diubati dengan kemenangannya dalam acara kategori *compound* lelaki individu double 50 yang menewaskan Ahmad Aliff Fadhulullah Alwi.

"Dahulu saya dapat dua emas dan satu gangsa jadi setakat ini satu emas dan dua perak, saya berharap mampu mendapat lebih pingat daripada SUKIPT lepas," kata Aliff mengenai sasarannya untuk SUKIPT kali ini.



Sementara itu, Fatin Nur Fatehah Mat Salleh yang merupakan atlet kebangsaan, telah memperolehi emas bagi kategori *compound* wanita individu double 50 dan *compound* wanita individu olimpik. Manakala bagi kategori *recurve* lelaki individu olimpik dimenangi oleh Ahmad Zakuwan Abdul Latiff.



Dari kiri : Kurniadi Muhtar(UiTM), Ahmad Aliff Fadhulullah Alwi(UiTM)



FATHIN LAKAR KEJUTAN

Wartawan : Ahmad Muzakkir Mohd Zuki
Foto : Zulfikhy Rahman

Atlet muda Kolej Komuniti Sabah, Fathin Fapihah Mohd Yusuf membuat kejutan dalam acara 200 m apabila berjaya merangkul pingat emas serta memecah rekod baru kejohanan dengan catatan masa 25.97 saat di Arena UM, Universiti Malaysia.

"Saya gembira kerana ini merupakan kali pertama saya menyertai SUKIPT dan berjaya memenangi pingat emas serta berjaya memecah rekod kejohanan," ujar Fathin.

Fathin juga teruja kerana berjaya menebus kembali kekecewaan dalam kegagalan memperolehi pingat emas dalam dua acara sebelum ini di mana beliau hanya sekadar memenangi pingat perak dan gangsa sahaja.

Fathin juga berjaya mengalahkan juara bertahan acara 200 m dan juga merupakan pemegang rekod lama kejohanan iaitu atlet dari Universiti Malaysia Perlis(UniMAP), Nurul Faizah Asma Mazlan yang sekadar berpuas hati dengan pingat gangsa. Pingat perak berjaya dirangkul oleh atlet dari Universiti Putra Malaysia(UPM), Chiew Hui Lian.



EMAS-TAEKWANDO, PERAK-LOMPAT JAUH DAN LOMPAT KIJANG

Wartawan : Yasmin Fairouz
Foto : Ahmad Muzakkir Mohd Zuki



Nur Nadia Natasya menyumbang satu lagi pingat buat Universiti Sultan Zainal Abidin(UniZA), iaitu pingat emas dalam acara taekwando bagi kategori wanita senior bantam 49 kg - 53 kg di Dewan Agong Tuanku Cancellor(DATC), Universiti Teknologi MARA(UiTM) selain dua pingat perak yang telah dimenangkannya dalam acara olahraga.


Menurut Nur Nadia lagi, dia berdepan dengan masalah penyusunan jadual bagi acara yang disertainya kerana acara taekwando dan olahraga diadakan pada waktu yang sama.

Nur Nadia ingin menghadiahkan pingat emas yang diperolehinya kepada keluarga yang turut hadir memberi sokongan pada hari pertandingannya.



lensa SUKIPT





UPM GAH DOMINASI OLAH RAGA

Wartawan : Nurfaizah Abdul Rahman & Nursyafiah
Abdul Samat
Foto : Zulfikhy Rahman



Juara bertahan Universiti Putra Malaysia (UPM), secara keseluruhan mendominasi acara olahraga Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2014 di Arena UM.

UPM meraih 12 pingat emas, 8 perak dan 9 gangsa, diikuti oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang meraih 7 pingat emas, 7 perak dan 2 gangsa. Manakala Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) mengumpul 7 pingat emas, 3 perak dan 5 gangsa.

Kejayaan itu menggugat perasaan Pengurus Pasukan Olahraga UPM, Mohd Firdaus Hj. Abdullah kerana UPM hanya mensasarkan 9 pingat emas sahaja untuk acara olahraga.

"Saya tidak sangka UPM akan berjaya kerana terdapat faktor di mana atlet kami mengalami kecederaan iaitu Noor Amira Mohamad Nafiah dalam acara lompat kijang dan Ahmad Luth Hamizan menerusi acara larian 5000 m," kata Mohd Firdaus Hj. Abdullah yang ditemui setelah selesai acara olahraga.

"SUKIPT adalah satu platform sesi pemilihan atlet untuk Asean University Game (AUG) nanti," tambahnya lagi.



SUNWAY LEBIH MENYERLAH

Wartawan : Nurul Husna Abdul Rahim &
Wan Syafikah Wan Rosdi
Foto : Suzairi Hafizi

Universiti Sunway tampil juara acara tenis baling bagi kategori beregu wanita dalam temasya Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2014 yang berlangsung di Sunway Mega Lanes, Sunway Pyramid.

Kejohanan tenis baling kali ini menyaksikan seramai lebih kurang 50 pasukan beregu wanita bertanding di mana Universiti Sunway telah muncul juara dengan pungutan pin sebanyak 2744 jauh ketinggalan saingan kuat mereka, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang meraih pingat perak dengan jatuhnya pin sebanyak 2611. Manakala pingat gangsa jatuh kepada Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) Kuala Lumpur dengan jatuhnya pin sebanyak 2562.

Sebelum ini atlet kebangsaan, Sin Li Jane telah menyumbang pingat gangsa kepada Universiti Sunway dalam acara perseorangan. Bagi acara wanita beregu, Sin Li Jane yang bergandingan dengan Dayang Khairuniza Dhiyana binti Abang Jamallidon telah meraih pingat emas kedua bagi Universiti Sunway.



"Pada set yang pertama, kami agak ketinggalan. Namun, kami lebih fokus pada set yang seterusnya untuk meraih emas," kata Khairuniza.



Pemberian pingat disempurnakan oleh Ketua Penyelaras Sekretariat Teknikal SUKIPT, Dr. Ahmad Naim Ismail.





USIM BERI SAINGAN SENGIT

Oleh: Ainaa Nazirah Anuar

Foto: Syazwan Azli & Mohd Arif

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berpuas hati berada di tempat ketiga sekaligus menambah pingat gangsa dalam perlawanan boling padang kategori fours lelaki yang berlangsung di Stadium Boling Padang Bayuemas.

Menurut kapten pasukan, Nazirul Mubin berkata, mereka mampu sampai ke tahap ini disebabkan oleh latihan yang diberikan oleh jurulatih berpengalaman.

"Walau siapa lawan kami, kami tetap akan lawan," kata Nazirul yang ditemui selepas tamat perlawanan. USIM mendapat tempat ketiga selepas mengatasi Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Sebelum itu, USIM memberikan saingan sengit dalam perlawanan separuh akhir apabila tewas kepada UiTM dengan perbezaan satu mata sahaja. Meskipun mereka dibarisi pemain-pemain yang kurang berpengalaman, mereka tetap melakukan yang terbaik.



JAWATANKUASA AKREDITASI



UiTM	22	18	10
UPM	21	16	20
UM	11	2	3
UniMAP	8	3	6
UTM	6	1	2
UniSZA	5	2	3
UTAR	5	0	0
USM	3	3	2
UMS	2	6	8
KOLEJ KOMUNITI SABAH	2	3	3

PERSEMBAHAN PERKAMPUNGAN SUKAN SUKIPT 2014 (DATARAN MAWAR)

Tarikh	Masa	Perkara
10 Februari 2014	8:45 - 10:30 malam	Pertandingan Nyanyian 'SUKIPT IDOL'
11 Februari 2014	9:00 - 10:30 malam	Persembahan dari kontinjen / Karaoke terbuka bersama Atlet
12 Februari 2014	8:45 - 10:30 malam	Persembahan dari kontinjen / Karaoke terbuka bersama Atlet
13 Februari 2014	TIADA	TIADA
14 Februari 2014	8:45 - 10:30 malam	Persembahan Band
15 Februari 2014	8:45 - 10:30 malam	Persembahan Band